

# Ibu bapa jangan abai penjagaan gigi anak-anak

Oleh **DR SAFAR SUMIT BUNYARIT** dan **PROFESSOR MADYA DR ASPALILAH ALIAS**

**Bilakah** kali terakhir anda berjumpa doktor gigi? Permasalahan ini sering kali diabaikan oleh Masyarakat kita. Ibu bapa sering kali terlupa tentang kesihatan gigi anak-anak mereka. Mereka sibuk dengan gadget dan urusan masing-masing sehingga lupa tentang urusan penjagaan gigi anak-anak mereka. Kejadian karies atau lubang gigi meningkat tahun disebabkan oleh pemakanan serta penjagaan gigi yang diabaikan.

Gigi merupakan salah satu anggota badan yang perlu dipelihara sejak daripada bayi lagi. Gigi kanak-kanak atau dikenali sebagai gigi susu tumbuh seawal umur bayi 6 bulan. Gigi susu atau dikenali sebagai primary tooth merupakan set gigi pertama yang tumbuh

pada peringkat perkembangan pergigian kanak-kanak. Set gigi susu ini hanya sementara, kerana gigi kekal akhirnya akan tumbuh menggantikan gigi susu. Pembentukan gigi susu bermula sebelum kelahiran dan berterusan sehingga awal kanak-kanak, dengan pelbagai fasa pertumbuhan dan perkembangan. Memahami proses ini adalah penting untuk ibu bapa dan penjaga kerana ia merupakan asas bagi kesihatan mulut kanak-kanak sepanjang hayatnya.

Gigi susu lebih kecil saiznya daripada gigi kekal. Gigi susu mempunyai akar yang lebih pendek dan kurang kuat. Gigi susu juga mempunyai tiga lapisan iaitu enamel, dentin dan juga pulpa. Lapisan enamel merupakan lapisan yang paling luar dan berwarna puteh. Manakala lapisan pulpa mempunyai salur darah dan saraf di dalamnya. Ruang pul-

pa gigi susu lebih besar mengikut kadar enamelnya.

Gigi susu tumbuh sekitar 6 bulan sehingga 3 tahun, manakala gigi kekal tumbuh seawal umur 6 tahun. Pada umur kanak-kanak 6-12 tahun berlaku fasa pertukaran gigi susu dan gigi kekal. Gigi susu mula gugur dan digantikan dengan gigi kekal. Pada umur kira-kira 12 tahun ke atas gigi kekal sudah tumbuh dan memenuhi ruang rahang atas dan bawah. Manakala gigi geraham bongsu tumbuh sepenuhnya pada umur 18 tahun ke atas.

Gigi susu memainkan peranan penting dalam perkembangan pergigian kanak-kanak. Memahami perbezaan antara gigi susu dan kekal adalah penting untuk kesihatan mulut kanak-kanak. Maklumat ini membolehkan ibu bapa dan penjaga memberikan penjagaan yang ter-

baik serta meletakkan asas untuk senyuman sihat seumur hidup. Ibu bapa hendaklah membawa anak-anak untuk membuat pemeriksaan gigi sekurang-kurangnya 6 bulan atau setahun sekali.

Nabi Muhammad SAW juga amat mementingkan kebersihan gigi. Terdapat banyak hadith berkaitan dengan gigi.


Adalah Rasulullah SAW tidak tidur melainkan siwak berada di sisinya, apabila baginda bangun dari tidur, baginda memulakan dengan bersiwak (berus gigi) (HR al-Bukhari).

Marilah kita sama-sama menjaga kebersihan gigi kita, anak-anak dan keluarga bagi mendapat keredhaan Allah SWT.

## PENULIS



Dr Safar Sumit Bunyarit



Prof Madya Dr Aspalilah Alias

## KMI Healthcare raikan kejayaan bersama pemegang taruh

**KUALA LUMPUR :** Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd cabang penjagaan kesihatan TDM Berhad mengadakan majlis makan malam penghargaan pada 23 Oktober untuk 200 pemegang kepentingan di Hotel DoubleTree by Hilton, Kuala Lumpur. Acara itu dihadiri oleh ramai pemain industri termasuk syarikat insurans, syarikat pentadbiran pihak ketiga, syarikat berkaitan kerajaan, rakan kongsi dan pelanggan, lembaga pengarah dan warga pekerja Kumpulan.

Awal pagi hari yang sama, KMI Healthcare dan Hospital Bersalin Razif memeterai Perjanjian Jualan Saham berlangsung di tempat yang sama. Perjanjian itu adalah bagi pemerolehan 100% kepentingan ekuiti dalam HBR oleh KMI Healthcare. Urus niaga yang berada di peringkat akhir ini masih tertakluk kepada pemenuhan duluan syarat. Hospital Bersalin Razif mempunyai kapasiti katil sebanyak 35 dengan lebih 20 tahun kehadiran di Klang, Selangor.

Hospital Bersalin Razif akan menjadi hospital ke-6 di bawah rangkaian KMI Healthcare melalui pengembangan 'brown-field' nya. Dalam ucapannya, YBM Tengku Seri Bi-jaya Raja (Dato' Seri Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil), Pengerusi TDM Berhad dengan yakin berkata bahawa pemeteraian perjanjian antara KMI Healthcare dan Hospital Bersalin Razif merupakan satu lagi kejayaan besar bagi Kumpulan dan akan membawa lebih banyak pemangkin untuk KMI Healthcare agar terus berkembang maju.

Serentak dengan kedua-dua acara itu, Persidangan Kual-



Sejarah bermakna telah tercipta buat KMI Healthcare setelah berjaya memeterai Perjanjian Jualan Saham bersama Hospital Bersalin Razif yang diadakan di Hotel DoubleTree by Hilton, Kuala Lumpur.

iti KMI bertemakan 'Memacu Kualiti dan Kelestarian dalam Penjagaan Kesihatan' telah dijalankan dengan kehadiran 100 pemain industri termasuk KPJ Healthcare, Columbia Asia

Hospital, Hospital Pakar Universiti Malaya dan ramai lagi.

KMI Healthcare berbangga menjadi salah satu bahagian perniagaan yang pesat berkembang di bawah sayap

pelaburan TDM Berhad, Syarikat sekuriti patuh Syariah yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Sejak penubuhannya, kapasiti katil di hospital KMI telah berkembang secara progresif untuk mempercepatkan kelajuan ke pasaran dalam tempoh lima tahun akan datang.

Selaras dengan komitmennya untuk menyokong slogan 'Menerajui Kehidupan Sihat', KMI Healthcare telah memperoleh reputasi sebagai Penyedia Penjagaan Kesihatan yang dipercayai dan menjadi pilihan dalam komuniti sekitar hospital. Dalam perancangan masa hadapan, KMI Healthcare berazam untuk mencapai lebih kejayaan dengan strategi dan rancangan perniagaan yang kukuh, menambah lebih nilai kepada perkhidmatannya.